

02/06/1999

Proton mungkin guna Sistem Hybrid

Mahfar Ali in Nagoya

NAGOYA, Selasa - Sistem Hybrid, yang menggabungkan enjin petrol dan motor elektrik, mungkin digunakan dalam pengeluaran kereta nasional, Proton, pada masa akan datang.

Sistem itu, yang terbaru dalam industri automobil di Jepun, kini digunakan oleh Toyota bagi model Prius untuk memaksimumkan kecekapan kuasa dan mengurangkan pelepasan asap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menguji pandu kereta itu sempena lawatannya ke Dewan Pameran Kaikan Toyota di sini hari ini, berkata kerajaan bercadang menggunakan teknologi itu pada Proton.

"Ketika ini kita mempunyai kereta bateri yang kecil dan kita ada rancangan untuk menggunakan sistem Hybrid dalam pengeluaran Proton," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata penggunaan sistem itu mungkin mengambil masa kerana banyak lagi yang harus dipelajari daripada Jepun, terutama penggunaan elektronik dan cip mikro industri automobil.

Dalam lawatan selama kira-kira enam jam bagi meninjau perkembangan industri Toyota Motor Corporation itu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Pengerusinya, Dr Shoichiro Toyoda.

Dr Mahathir menyarankan supaya kedua-dua pihak meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang automobil.

Dr Shoichiro menyambut baik saranan itu kerana Toyota kini sudah menguasai Daihatsu yang sudahpun terbabit dalam usahasama mengeluarkan kereta nasional kedua, Perodua.

Menurut Dr Mahathir, Toyota kini bukan saja menjadi pengeluar automobil terbesar dan termaju di Jepun, malah model kereta mewahnya, Lexus, setaraf Mercedes dan kereta mewah lain.

"Sebab itu saya membuat lawatan untuk melihat asal usul Toyota yang bermula dengan sebuah syarikat pengeluar mesin menenun kain," katanya, yang turut melawat Muzium Peringatan Industri dan Teknologi Toyota serta Muzium Automobil Toyota.

Perdana Menteri, yang dalam rangka lawatan seminggu ke Jepun, diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri Muhammad Khatib.

Menjawab soalan pemberita, beliau bagaimanapun berkata, setakat ini Malaysia belum memikirkan untuk mengeluarkan kereta nasional ketiga.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Malaysia akan memantapkan lagi industri automobil negara termasuk berbincang dengan pengeluar kereta di Amerika Syarikat yang berminat mengadakan kerjasama dalam industri itu.

Dr Mahathir berkata, kerjasama itu penting kerana beliau diberitahu industri automotif dunia kini dalam proses penggabungan menjadi lima syarikat terbesar sahaja meliputi tiga di Amerika Syarikat, serta masing-masing satu di Eropah dan Jepun.

"Semuanya dicantum menjadi syarikat besar kerana penggunaan teknologi lebih canggih memerlukan pengeluaran lebih besar supaya lebih kompetitif," katanya.

Dr Mahathir berkata, Proton kini turut menggunakan Toyota sebagai perunding dan pembekal mesin serta mempunyai kerjasama dengan Mitsubishi dan memiliki keupayaan kejuteraan dari Lotus.

"Kita turut berbincang dengan syarikat automotif dari Amerika yang berminat untuk bekerjasama," katanya, yang akan berlepas ke Tokyo esok.

Di Tokyo, Dr Mahathir dijangka melancarkan buku karya terbarunya, A New

Deal For Asia dan menyampaikan ucapan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan Asia.

Sebelum berlepas pulang pulang Jumaat ini, Perdana Menteri dijadual menemui rakan sejawatnya, Keizo Obuchi.

Sementara itu, Muhammad berkata Dr Shoichiro ketika meraikan Dr Mahathir pada majlis jamuan tengah hari memuji Perdana Menteri kerana berupaya memulihkan ekonomi negara.

"Beliau menyifatkan usaha itu hanya mampu dilakukan oleh seorang pemimpin yang kuat," katanya.

(END)